

Hari bersejarah buat Malaysia

Oleh Muhammad Saufi Hassan
sufi@mediaprima.com.my


Kuala Lumpur

Sejarah baharu tercipta buat negara apabila satelit Measat-3d berjaya dilancarkan awal pagi semalam, sekali gus melengkapkan usaha ketercapaian jaringan internet.

Pelancaran satelit dilakukan pada jam 5.50 pagi waktu Malaysia dari Stesen Angkasa Eropah di Kourou, French Guiana yang terletak di Amerika Selatan.

Measat-3d berkenaan menggunakan roket Ariane 5 ECA dan isyarat telemetri pertama satelit berkenaan mula diperoleh oleh stesen bumi tepat jam 6.41 pagi waktu Malaysia.

Satelit jenis *Geostationary Equatorial Orbit* (GEO) mempunyai liputan luas serta berkeupayaan untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar yang pantas.



...ial yang pantas.
Siaran langsung pelan-
caraan Measat-3d di Pusat Da-
ngangan Dunia (WTC) Kuala
Lumpur, semalam turut di-
saksikan Perdana Menteri
Datuk Seri Ismail Sabri Ya-
akob dan Menteri Komuni-
kasi dan Multimedia Tan Sri
Annuar Musa.

Keberadaan satelit berke-
naan dijangka dapat mera-
patkan jurang ketersambun-
gan digital dan membentuk
masa depan lebih baik sejajar



ISMAIL Sabri melihat replika satelit Measat-3d ketika melawat sekitar kawasan pameran.

RM1.2b

Jumlah anggaran kos
satelit kelapan negara,
Measat-3d

Kuala Lumpur: Satelit
Measat-3d penting kepada
negara dalam mencapai lipu-
tanan internet 100 peratus
sebelum 2025 dan mening-
katkan kualiti perkhidma-
tan jalur lebar, kata Menteri
Komunikasi dan Multime-
dia Tan Sri Annuar Musa.

Beliau berkata, perkhid-
matan satelit itu yang di-
lancarkan semalam boleh
digunakan dalam masa be-
berapa bulan lagi.

"Jadi pelancaran (satelit
Measat-3d) hari ini (sema-
lam) ada dua aspek penting,
yang pertama memungkin-
kan kita mencapai liputan
100 peratus bagi semua ka-
wasan berpenduduk sebe-

Dua matlamat utama pelancaran Measat-3d

**Measat-3d
berkeupayaan memberi
perkhidmatan jalur lebar
di kawasan yang saya
maksudkan tadi
antara 35 Mbps
hingga 100 Mbps"**

lum 2025.

"Keduanya, kita boleh
tingkatkan kualiti perkhid-
matan jalur lebar, tingkat-

kan perkhidmatan kelaju-
an tinggi sepertimana kita
gunakan rangkaian genti-
an optik yang sedang di-
laksanakan di kawasan
yang maju," katanya ketika
ditemui media selepas me-
nyaksikan siaran langsung
pelancaran Measat-3d di
Pusat Dagangan Dunia
(WTC) Kuala Lumpur, se-
malam.

Malaysia melalui Measat-
Satellite Systems Sdn Bhd
(Measat) melancarkan Sa-
telit Measat-3d di Pusat
Angkasa Lepas Eropah
Kourou, French Guiana,

Amerika Selatan jam 5.50
pagi waktu Malaysia (6.50
petang waktu tempatan, 22
Jun).

Satelit kelapan dianggar
membabitkan kos RM1.2 bi-
lion dengan jangka hayat 18
tahun dijangka mampu me-
rapatkan jurang ketersam-
bungan digital dan mem-
bentuk masa depan keter-
sambungan yang lebih baik
untuk rakyat Malaysia, se-
laras inisiatif kerajaan me-
lalui pelan Jalinan Digital
Negara (Jendela).

Beliau berkata, negara
mempunyai jangkaan lipu-

ISMAIL Sabri (dua dari kanan) dan Annuar (kanan) menyaksikan
siaran langsung pelancaran Measat-3d di WTC Kuala Lumpur,
semalam.



**Hari penuh bersejarah,
Measat melancarkan
satelit Measat-3d (di
Kourou, French Guiana)"**

Ismail Sabri

dengan inisiatif kerajaan
menerusi pelan Jalinan Di-
gital Negara (Jendela).

Ismail menerusi hanta-
rannya di laman Facebook
berkata, ia hari yang penuh
bersejarah apabila Measat

Global Berhad (Measat) me-
lancarkan satelit mereka.

"Hari penuh bersejarah,
Measat melancarkan satelit
Measat-3d (di Kourou, Fren-
ch Guiana)," katanya.

Pada masa sama, Annuar
menyatakan satelit Mea-
sat-3d menjadi aset penting
kepada negara dalam me-
realisasikan ketercapaian
internet 100 peratus sebe-
lum 2025.

Beliau berkata, satelit ini
akan meningkatkan per-
khidmatan jalur lebar sedia
ada sekali gus masalah ke-
lompongan capaian di ne-
gara dapat diatasi.

pasiti yang rendah, kelajuan
yang rendah.

"Kebanyakan semuanya
kurang 10 Mbps (mega bit
per saat), tetapi Measat-3d
berkeupayaan memberi per-
khidmatan jalur lebar di ka-
wasan yang saya maksudkan
tadi antara 35 Mbps hingga
100 Mbps.

"Sekarang mereka mengun-
gkan asas (kelajuan inter-
net) sahaja mungkin sedi-
kit untuk data seperti
gambar dan sebagainya, te-
tapi kalau hendak buat un-
tuk kegunaan yang lebih ba-
nyak penggunaan datanya,
teknologi satelit yang ada
sekarang tak cukup," kata-
nya.